

Kelantan kembali banjir

Hujan lebat berterusan, kebanyakan tempat rendah di semua daerah ditenggelami air

ROSMIZA KASIM

KOTA BHARU - Selepas hampir dua minggu reda, kini Kelantan kembali banjir apabila hujan lebat melanda negeri ini sejak tiga hari lalu.


Mengikut portal eBanjir Kerajaan Negeri Kelantan sehingga jam 5 petang semalam, sejumlah 242 mangsa dipindahkan di pusat pemindahan sementara.

Bagaimanapun, pada lewat petang angka tersebut terus bertambah kepada 427 mangsa yang melibatkan penduduk di jajahan Bachok, Kota Bharu, Pasir Mas, Tanah Merah, Pasir Puteh, Machang dan Jeli.

Sejak jam 3 petang semalam lebih 10 pusat pemindahan sementara dibuka.

Setakat jam 5 petang semalam juga, jajahan Jeli paling ramai dipindahkan iaitu 171 mangsa melibatkan 42 keluarga.

Berikutan hujan lebat juga, kira-kira 5,000 penduduk di Pasir Kelang, Kuala Krai terputus hubungan apa-



Keadaan air Sungai Golok di Rantau Panjang, semalam.

bila perkhidmatan feri dihentikan kerana jetinya tenggelam.

Sementara itu, menurut portal Jabatan Pengairan dan Saliran paras air di Sungai Kelantan di Kursial,

Tanah Merah melepasi paras berjaga 12.04 meter (berjaga-jaga 12 meter).

Dalam masa sama, beberapa kawasan rendah dikebanyakan



Jalan alternatif di Kampung Seri Kulim ke Mahligai dinaiki air sejak petang semalam.

daerah telah mula ditenggelami air termasuk kawasan Bandar Baru Tunjong di Kota Bharu yang dipercayai berpunca daripada sistem perparitan tidak sempurna.

Sebelum ini Jabatan Meteorologi mengeluarkan amaran hujan peringkat jingga dan kuning di negeri ini membabitkan semua jajahan di Kelantan.